

PAJSK komponen penting dalam PPSR

B/H 23/11/2017
M/S 9



Mohd Rashid Mean

→ Satu daripada empat komponen utama dalam kaedah pelaporan baharu

murid termasuk kecergasan, yang tidak hanya tertumpu kepada keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) semata-mata.

“Melalui PPSR, buat pertama kalinya, murid bukan hanya diberikan laporan keputusan UPSR semata-mata, malah akan turut menerima dokumen lain iaitu bagi pentaksiran kokurikulum dan SEGAK di bawah PAJSK, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi),” katanya.

Mohd Rashid berkata, pentaksi-

angunan Kurikulum, Kamariah Mohd Yassin, berkata SEGAK yang dilaksanakan sejak 2008 bertujuan menjadikan murid sentiasa peka, berpengetahuan dan mengamalkan aktiviti kecergasan untuk meningkat serta mengekalkan tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan optimum.

“Melalui SEGAK, murid dapat mengukur dan merekodkan tahap kecergasan fizikal sendiri, menganalisis dan mentafsir kecergasan, mengetahui tahap kecergasan,

Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah

1 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

- Dikenali juga sebagai Pentaksiran Sekolah (PS)
- Dilaksanakan semasa PdP
- Merujuk Dokumen Standard
- Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)
- Melaporkan tahap penguasaan pembelajaran murid

Tujuan pentaksiran

- Pentaksiran Untuk Pembelajaran
- Pentaksiran Sebagai Pembelajaran
- Pentaksiran Tentang Pembelajaran
- Menggunakan pelbagai jenis instrumen

Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) diberikan keutamaan di bawah Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah (PPSR) yang mula diperkenalkan tahun ini.

PAJSK adalah satu daripada empat komponen utama dalam kaedah pelaporan baharu bagi murid Tahun Enam yang mengamalkan keputusan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) hari ini.

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan, Mohd Rashid Mean, berkata laporan PAJSK akan diserahkan kepada murid bersama tiga laporan lain, termasuk keputusan UPSR ketika mereka mengambil keputusan di sekolah masing-masing.

PAJSK merangkumi dua elemen utama iaitu pentaksiran kokurikulum dan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah (SEGAK), yang melaporkan secara terperinci mengenai pembabitian murid dalam aktiviti kokurikulum dari Tahun Empat hingga Tahun Enam serta tahap kecergasan mereka.

Berbeza dengan tahun sebelum ini di mana laporan pentaksiran kokurikulum dan SEGAK hanya untuk makluman murid dan ibu bapa, dua elemen berkenaan kini diberikan keutamaan di bawah PPSR, termasuk untuk dinilai bagi dimasukkan ke sekolah menengah.

"PPSR yang mula dilaksanakan tahun ini lebih menyeluruh dalam memperihikan perkembangan pencapaian dan kecenderungan

Mohd Rashid berkata, pentaksiran kokurikulum yang wajib diikuti murid itu merangkumi tiga aspek iaitu pasukan badan beruniform, kelab/persatuan serta sukan/permainan.

Selain itu, Mohd Rashid berkata, murid akan turut mendapat mata tambahan untuk dimasukkan dalam CGPA jika terbabit dalam ektra kurikulum termasuk perkhidmatan seperti bertugas sebagai pengawas, menerima anugerah khas, melakukan khidmat masyarakat, menyertai Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) dan melakukan tugas khas seperti menyertai perarakan Hari Kebangsaan.

Bina modal insan

Kepentingan aktiviti berkenaan adalah setara dengan aktiviti kurikulum dalam bilik darjah kerana sumbangannya sebagai pelengkap kepada pembelajaran murid dan pembinaan modal insan secara holistik.

"Pentaksiran dijalankan dari Januari hingga Disember dan keputusan Prestasi Tahun Semasa dilaporkan dalam Purata Nilai Gred setiap tahun. Prestasi dari Tahun Empat hingga Enam dihimunkan sebagai Purata Nilai Gred Kumulatif pada Tahun Enam dan sekolah akan memilih dua markah terbaik daripada pasukan badan beruniform, kelab/persatuan dan sukan/permainan yang disertai murid.

"Penilaian akan dibuat dalam tiga aspek iaitu pembabitian murid merangkumi jawatan, peringkat pembabitian, komitmen dan khidmat sumbangan, penyertaan iaitu kehadiran murid dalam aktiviti serta prestasi," katanya.

Sementara itu, Ketua penolong Pengarah Unit Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan, Bahagian Pem-

mentakan tahap kecergasan, merancang dan melakukan tindakan susulan bagi meningkatkan tahap kecergasan serta mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat untuk mencapai tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan optimum," katanya.

Kamariah berkata, SEGAK yang dilakukan dua kali setahun iaitu pada Mac dan Ogos mengandungi lima instrumen iaitu pengukuran Indeks Jisim Badan (BMI), naik turun bangku tiga minit, tekan tubi atau tekan tubi ubah suai, ringkuk tubi separa dan jangkauan melunjur.

"Ujian kecergasan ini bertujuan mengukur tahap kardiovaskular, kekuatan bahagian atas badan dan otot abdomen serta fleksibiliti badan.

"Kesemua ujian kecergasan berkenaan mempunyai norma tersendiri berdasarkan jantina dan usia, kecuali bagi BMI. Laporan SEGAK diberikan kepada murid selepas ujian dan guru perlu memasukkan skor penggal kedua ujian ini secara atas talian untuk perhatian Kementerian Pendidikan," katanya.

Mengulas cara penilaian SEGAK, Kamariah berkata, setiap ujian berkenaan akan diberikan markah dan dirumuskan dalam bentuk skor keseluruhan bagi pemberian gred, iaitu dari A hingga F bagi melihat tahap kecergasan murid.

"Kita mahu lihat murid ini sihat atau tidak. Jika didapati ada murid yang menghadapi masalah seperti obesiti, kita akan merujuk mereka kepada kumpulan pegawai perubatan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan," katanya.

Beliau berkata, melalui laporan SEGAK juga, guru boleh melakukan aktiviti intervensi bagi meningkatkan dan mengekalkan tahap kecergasan fizikal murid.

• Menggunakan pelbagai jenis instrumen

2 Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)

- **SEGAK** - Standard kecergasan fizikal bagi mengukur tahap kecergasan
- **BMI** - merekod tinggi dan berat badan sebagai satu indikator kesihatan
- **SUKAN** - Penyertaan sukan dan pencapaian sukan di sekolah, daerah, negeri, negara dan antarabangsa
- **Kokurikulum** - Penyertaan dan pencapaian dalam persatuan, unit beruniform di peringkat sekolah, daerah, negeri, negara dan antarabangsa
- **Ekstrakurikulum** - Penyertaan dan pelibatan secara sukarela di dalam dan di luar sekolah serta di dalam dan di luar negara

3 Pentaksiran Psikometrik

- PPSi dilaksanakan untuk mengumpul data tret psikologi murid Instrumen Kecerdasan Pelbagai (IKeP)
- Mengukur kebolehan semula jadi (innate ability) dan kebolehan yang diperoleh (acquired ability)

Profil

4 Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)

- Untuk murid yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)
- UPSR mengukur pencapaian dalam pembelajaran mata pelajaran Murid menduduki 6 kertas:
 - Bahasa Melayu Pemahaman
 - Bahasa Melayu Penulisan
 - Bahasa Inggeris Pemahaman
 - Bahasa Inggeris Penulisan
 - Matematik
- Sains dengan tambahan (untuk murid SJK dan SJKT)
 - Bahasa Cina Pemahaman
 - Bahasa Cina Penulisan
 - Bahasa Tamil Pemahaman
 - Bahasa Tamil Penulisan

Atau

Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR)

- Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) Khusus untuk murid berkeperluan khas (MBK) yang mengikuti KSSR Pendidikan Khas (LD)
- Mengukur pencapaian MBK melalui pendekatan pentaksiran bersepadu dalam situasi sebenar kehidupan murid
- Pencapaian dilaporkan bagi 6 konstruk:
 - Kemahiran Literasi (BM)
 - Kemahiran Literasi (BI)
 - Kemahiran Numerasi
 - Kemahiran Hidup Asas
 - Kemahiran Asas Sains
 - Nilai Murni Kendiri dan Bermasyarakat

➤ Pada akhir persekolahan peringkat sekolah rendah murid akan menerima 4 pelaporan:

- Murid arus perdana: PBD, PAJSK, PPSi dan UPSR.
- Murid berkeperluan khas (masalah pembelajaran): PBD, PAJSK, PPSi dan PASR